

01/06/1997

Isu Sipadan, Ligitan selesai secara aman

Izman Ismail

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Indonesia memperkukuhkan komitmen masing-masing untuk menyelesaikan isu tuntutan bertindih terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan secara aman apabila menandatangani perjanjian khas membawa pertikaian itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Perjanjian itu yang disifatkan kedua-dua pihak sebagai peristiwa bersejarah dalam hubungan Malaysia-Indonesia, ditandatangani sebelum mesyuarat tidak rasmi Menteri Luar Asean bermula di sini, semalam.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya dari Indonesia, Ali Alatas, menandatangani perjanjian itu. Inilah kali kedua persetujuan seumpama itu dibuat bagi menyelesaikan tuntutan bertindih yang membabitkan Malaysia dan jirannya.

Sebelum ini, Malaysia dan Singapura juga bersetuju mengemukakan tuntutan Pulau Batu Putih ke ICJ. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Goh Chok Tong mencapai persetujuan itu pada September 1994.

Pulau Batu Putih ialah pulau batu karang di selatan Semenanjung, kira-kira 15 kilometer dari Johor. Pertikaian bermula pada 1989 apabila nelayan Malaysia dihalang menghampirinya.

Dalam isu Sipadan dan Ligitan pula, persetujuan membawanya ke ICJ dicapai dalam pertemuan Dr Mahathir dan Presiden Suharto di sini, Oktober tahun lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian itu, Abdullah berkata, Malaysia dan Indonesia sepakat akan menerima keputusan ICJ sebagai muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

"Ini membuktikan kedua-dua negara mahu mengelakkan konflik berpanjangan yang boleh membebankan generasi akan datang.

"Tindakan hari ini juga adalah pengakuan semula terhadap kepercayaan proses penghakiman antarabangsa dan rasa hormat terhadap undang-undang," katanya.

Tuntutan terhadap kepulauan di luar pesisir Sabah itu bermula pada 1969 dan usaha dua hala untuk menyelesaikannya dilaksanakan sejak 1991.

Abdullah berkata, semangat persahabatan yang tinggi membuka jalan kepada Malaysia dan Indonesia untuk menandatangani perjanjian khas itu.

Alatas yang sependapat dengan Abdullah, pula berkata keputusan itu menggambarkan kesungguhan kedua-dua negara untuk memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada.

"Perjanjian hari ini ialah satu sejarah kerana buat kali pertama kedua-dua negara bersetuju menggunakan kaedah penyelesaian mahkamah bagi mengatasi pertikaian.

"Saya pasti anda akan bersetuju bahawa keputusan yang dicapai kedua-dua pemimpin kita ialah keputusan bijak," katanya.

Ditanya sama ada negara yang terbabit dalam tuntutan Kepulauan Spratly akan menggunakan pendekatan yang sama, Abdullah berkata, terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan.

(END)